



PEMAKLUMAN BERITA PALSU

Berikut merupakan **PENAFIAN** tentang beberapa berita yang tular di media sosial:

1. Menteri Tenaga dan Sumber Asli, YB Dato' Dr. Shamsul Anuar Hj. Nasarah **menafikan** dakwaan bahawa TNB mengenakan caj yang berlebihan dalam kaedah pengiraan bil elektrik sepanjang tempoh PKP berikutan pemberhentian aktiviti bacaan meter oleh pihak TNB bermula 20 Mac hingga 14 Mei 2020. Beliau **menjelaskan** mekanisme pengebilan telah disemak dan dipersetujui oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) dan sebarang lebihan bayaran akan dipulangkan kepada pengguna. Beliau turut **memaklumkan** bahawa tiada aktiviti pemotongan bekalan elektrik sehingga 31 Julai 2020 sekiranya pengguna lewat membayar bil elektrik mereka.
2. Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Selangor **menafikan** dakwaan bahawa Taman Langat Murni dan Taman Langat Utama Bukit Changgang, Sepang, dikenakan PKPD. Sebaliknya beliau **menjelaskan** kedua-dua kawasan tersebut hanya dikenakan kawalan secara pentadbiran sahaja.

**Pasukan Respons Pantas
KKMM
4 Jun 2020 | 1.00 Petang**

